

22/01/2002

Kerajaan setuju bantu PTP bina enam lagi dermaga baru

DATUK Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, kerajaan bersetuju untuk membina enam lagi dermaga baru dan mendalamkan Pelabuhan Tanjung Pelepas (PTP) di Gelang Patah, Johor.

Perdana Menteri berkata, walaupun ia membabitkan perbelanjaan besar, kerajaan rela membantu pembesaran PTP supaya ia dapat mengendali lebih banyak kargo dan kontena.

"Untuk kerja mendalam dan membina enam dermaga baru di PTP, kita perlu belanja besar. Kerajaan rela membantu supaya PTP ia dapat kendali lebih banyak kargo dan kontena.

"(Justeru) Kita harap pelaksanaannya dapat menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi negara.

"PTP sudah berjaya menarik Maersk Sealand (pengendali kapal kontena terbesar). Kita harap pelabuhan ini dapat tarik lebih banyak syarikat lain untuk menggunakannya," katanya berucap merasmikan Projek Sambungan Rel Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB), di PTP, Gelang Patah, semalam.

PTP yang mula beroperasi pada Oktober 1999 kini dilengkapi kemudahan bertaraf dunia bertujuan menarik syarikat perkapalan terkemuka. Fasa pertama pembinaannya siap sepenuhnya pertengahan tahun lalu.

Fasa I merangkumi enam dermaga sepanjang 2.16 kilometer dan berupaya mengendali 3.8 juta unit bersamaan 20 kaki (TEU) kontena. Kelebaran kawasan hadapan dermaga seluas 600 meter dengan kedalaman air 15 meter membolehkan ia mengendali kapal kontena generasi baru.

Tahun lalu, PTP mengendalikan 2.5 juta TEU kontena, melebihi sasaran dua juta atau lima kali ganda lebih tinggi daripada kendalian pada 2000.

Berikutan itu, Dr Mahathir berkata, beliau berpuas hati dengan pertumbuhan kegiatan pelabuhan di negara ini berbanding 10 tahun lalu yang mana ketika itu ia hanya mengendalikan sejuta TEU.

"Sepuluh tahun lalu kita hanya mampu kendali satu juta TEUs berbanding negara jiran 12 juta (TEUs).

"Namun, dengan kerja keras syarikat pengendali pelabuhan dan Kementerian Pengangkutan, kita dapat yakinkan pelanggan untuk guna pelabuhan kita. Sekarang PTP dan Pelabuhan Klang saja sudah kendali enam juta.

"Ia menunjukkan kemudahan saja tidak cukup, tanpa kerja keras dan pengurusan cekap," tegas Perdana Menteri.

Ketika diminta mengulas pembinaan dermaga baru itu, Pengerusi Eksekutif PTP, Datuk Mohd Taufik Abdullah, berkata kerja pembinaan enam dermaga itu dijangka mengambil masa dua tahun.

Beliau berkata, pembinaan dermaga terbabit dan mendalamkan pelabuhan berkenaan dijangka mengambil tempoh sama seperti pembangunan fasa pertama.

"Menerusi pembangunan enam dermaga tambahan terbabit, kita harap dapat menarik lebih banyak syarikat perkapalan terkemuka menggunakan pelabuhan ini," tegasnya.

(END)